

## . Peayam minta Misuari diberi perlindungan politik sementara

UM 19 DEC 2001

KUALA LUMPUR 18 Dis. -- Peguam Nur Misuari **hari ini berkata**, beliau **telah** meminta Malaysia membenarkan perlindungan politik sementara kepada **bekas gabenor** itu sehingga dia **dihantar** ke negara ketiga.

Misuari yang berhadapan dakwaan **membe-**rontak **di** negara **asalnya, Filipina** ditahan di Malaysia kerana memasuki secara **haram pada** 24 November lalu selepas penyokongnya me lancarkan pemberontakan **di** selatan negara itu.

Peguam **Elly Pamatong** memberitahu Reuters, **beliau** telah menulis surat **kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir** Mohamad **bagi** meminta lebih masa ekoran **tarikh** akhir diberikan **pada** 24 Disember **ini** untuk **meng-**hantar pulang Misuari agak suntuk.

"Peguam yang bertandatangan ini, dengan penuh liormat mengemukakan **petisyen** bagi perlindungan politik sementara," kata **Pama-**tong dalam suratnya kepada pejabat Dr. Mahathir.

Salinan surat itu difakskan ke pejabat Reuters.

Pejabat **Perdana Menteri** **gagal** dihubungi untuk mendapatkan ulasan kerana hari **ini** adalah **cuti** umum.

Dr. Mahathir **berkata**, Malaysia sudah **berse-**dia untuk menghantar pulang Misuari dan akan menghantarnya ke negara ketiga jika **Fi-**lipina tidak **mengambilnya** balik.